

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDNM.01/32/193/31

Tarikh : 2 Mac 2009



Pengarah Eksekutif,
Institut Percukaian Malaysia (MIT),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA)
Dewan Akauntan No. 2
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
Pejabat Sekretariat MATA
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati
53100 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City
Lingkar Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
No. 23A, 1st Floor
Jalan SS24/11, Taman Megah
47301 Petaling Jaya, Selangor

Presiden
Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam



Tuan,

**PENGELUARAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BORANG KOSONG)
KEPADA EJEN CUKAI & DIALOG CAWANGAN BERSAMA PERSATUAN AKAUNTAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Susulan kepada Dialog Operasi Bil. 1/2009 yang telah diadakan pada 25 Februari 2009, sukacita saya memaklumkan bahawa arahan telah dikeluarkan kepada semua cawangan LHDNM berhubung perkara-perkara berikut:-

**2.1 Pengeluaran Borang Nyata Cukai Pendapatan (Borang Kosong)
Kepada Ejen Cukai**

Ejen cukai boleh mendapatkan borang nyata (borang kosong) dari cawangan. Ejen cukai perlu menyertakan senarai nama dan nombor rujukan cukai pelanggan semasa membuat permohonan.

Walau apa pun, ejen cukai digalakkan untuk mengguna perkhidmatan *e-Filing* bagi memfailkan borang nyata pelanggan mereka.

2.2 Dialog Cawangan Bersama Persatuan Akauntan


Persatuan akauntan boleh memohon kepada cawangan untuk diadakan dialog berkenaan isu-isu percukaian. Isu untuk perbincangan di peringkat cawangan / negeri terhad kepada isu-isu pelaksanaan sahaja. Isu berkenaan dasar hendaklah diketengahkan ke Ibu Pejabat.

Adalah disyorkan juga dialog di peringkat cawangan / negeri diadakan selepas dialog di peringkat Ibu Pejabat supaya jawapan kepada isu-isu yang serupa atau berkaitan adalah selaras dengan keputusan Ibu Pejabat.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**

— Saya yang menurut perintah


[MOHAMMAD/SAIT BIN AHMAD]

Pengarah Jabatan Operasi Cukai

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia